

**SEMPENA PERASMIAN KARNIVAL IKTIRAF 2011/2012**  
**01/04/2012**

**PENDAHULUAN**

1. Saya memanjatkan syukur kehadiranNya kerana dengan limpah rahmat dan izinNya jugalah kita dapat berhimpun dalam Karnival Ikatan Hati Warga FELDA (IKTIRAF) 2011/2012 di Dataran Merdeka yang penuh bersejarah ini. Saya difahamkan banyak program yang telah dirancang dalam Karnival IKTIRAF pada kali ini iaitu Anugerah Belia FELDA Malaysia, The Malaysia Book Of Records bagi Perhimpunan Penggiat Kompang Terbesar di Malaysia, pameran dan lain-lain lagi.

2. Karnival ini merupakan satu usaha yang membanggakan dan sudah tentu menuntut usaha serta kesungguhan banyak pihak dalam merealisasikannya khususnya Seranta (FELDA) Jabatan Perdana Menteri, Majlis Belia FELDA Malaysia dan yang paling penting adalah komitmen para belia FELDA serta seluruh hadirin yang membanjiri dataran ini. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah.

3. Karnival IKTIRAF ini diadakan adalah sebagai wadah penghubung dan pegerat sesama kita. Kini, kita bukan sahaja perlu melihat warga FELDA di tanah rancangan tetapi keseluruhan 2 juta warga FELDA, yang berada di bandar-bandar juga. Inilah masanya kita bersatu hati membangunkan warga FELDA menuju matlamat yang satu; FELDA Maju.

**KARNIVAL IKTIRAF**

4. Karnival IKTIRAF pada kali ini yang bertemakan Menjunjung Transformasi Bangsa memasuki edisi yang keenam. Kita telah bersama sejak tahun 2006 dan seterusnya sehinggalah ke tahun ini dengan melakar pelbagai kemajuan dalam pelbagai aspek pembangunan pergerakan belia FELDA di seluruh negara. Tujuannya hanyalah satu iaitu supaya generasi baru FELDA dan seluruh warga FELDA dapat melihat pencapaiannya yang semakin membanggakan, dan pada masa yang sama, mengekalkan ciri dan budaya yang asal.

5. Pada tahun 2006 dan 2007, kita menyediakan diri berlandaskan tema “Belia FELDA Global Berminda Terbilang dan Mengangkasa Minda Meneroka Era Baru” yang memberi keutamaan pada penerokaan minda. Manakala pada tahun 2008 dan 2009, kita bertemakan “Mengiktiraf Belia Memperkasa Bangsa” di mana kita berhasrat mengembangkan potensi sebenar generasi baru FELDA dan belia dalam skop yang lebih luas.

6. Tahun 2010, “Mendaya Belia Melestari Perjuangan” menjadi tata-agenda dan kayu pengukur terhadap usaha semua pihak dengan meletakkan kepentingan generasi muda sebagai aset negara yang sangat tinggi nilainya. Kerana itu juga kita secara bersama mengiktiraf peranan Gabungan Pemikir Profesional Anak FELDA (GAPROF).

7. Melatari semua ini, pelbagai aktiviti serta program untuk belia FELDA sama ada di tanah rancangan, wilayah, negeri atau kebangsaan telah diadakan melalui Siri Jelajah IKON dan Karnival IKTIRAF Wilayah. Saya memerhati dan menilai dengan penuh minat perkembangan ini dan pada hemat saya, belia FELDA dan generasi muda FELDA kini lebih bersedia untuk berjuang dengan lebih strategik dan berobjektif untuk agama, bangsa dan negara.

8. Tahun 2012 ini adalah tahun terpenting. Sepanjang tempoh pentadbiran YAB Perdana Menteri yang menghampiri tiga tahun, kemuncak kepada kesungguhan kerajaan dengan segala inisiatif yang dilaksanakan telah membolehkan rakyat menikmati kesejahteraan yang berterusan. Warga FELDA juga, dengan izin Allah SWT, secara istiqomah memperoleh nikmat berganda.

#### AMANAH WARISAN PUSAKA, SEMANGAT & ROH KEPENEROKAAN

Hadirin sekalian,

9. FELDA boleh diibaratkan sebagai satu amanah dalam lipatan sejarah kemerdekaan negara kita. FELDA ini adalah perjuangan adiwangsa (bangsa utama) yang perlu kita jaga. Besarnya adiwangsa ini, melibatkan 112,635 keluarga peneroka bersama 23,000 kakitangan FELDA dan mencakupi angka 2 juta orang rakyat jelata. Luasnya adiwangsa ini seluas lebih 2 juta ekar atau 860,000 hektar. Perjuangan adiwangsa ini jugalah yang berjaya mengubah rakyatnya dari susah dan miskin menjadi berjaya dan mewah.

10. Justeru, marilah kita kembalikan 'semangat dan roh kepenerokaan'. Kita perlu mempertahankan amanah yang telah membuang jauh kemiskinan dari rakyatnya. Amanah ini merupakan benteng perjuangan bangsa, simbol kesungguhan, tekad, semangat keberanian dan kebijaksanaan. Kepada seluruh warga FELDA lah diserah masa depan perjuangan dalam menjaga amanah ini. Belia FELDA adalah pahlawan dan benteng pertahanannya.

#### PEMBANGKANG YANG BERBOHONG

11. Ada banyak puak-puak yang cuba untuk mengelirukan warga FELDA. Mereka memberi fakta salah serta menabur fitnah. Pesanan saya kepada mereka, hentikanlah. Warga FELDA kini telah matang dan tahu menilai dan faham aspirasi perjuangan yang digerakkan dengan gagah sejak lebih 50 tahun dahulu.

12. Jika disingkap kembali sejarah, dahulu ketika Kerajaan Perikatan ingin menggubal Akta GSA 1960, puak-puak ini juga yang kata LKTP (iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan) itu adalah 'Langkah Kerajaan Tipu Peserta'. Pada tahun 1990, Kerajaan mengarahkan FELDA supaya tidak lagi mengambil peserta baru, supaya tanah 360,000 hektar itu dapat dijadikan elemen utama penjana keuntungan untuk perniagaan anak-anak syarikat FELDA. Langkah ini juga ditentang oleh puak yang sama.

13. Dan terbaru, puak-puak ini mendakwa usaha Penyenaian FELDA Global akan menyebabkan tanah milik peneroka tergadai. Saya mengulangi lagi bahawa tiada seicipun tanah hak milik peneroka akan terlibat dengan penyenaian ini. Penyenaian hanya melibatkan tanah-tanah Kerajaan Negeri yang diberi hak memajukan kepada Kerajaan Persekutuan sebagaimana peruntukan dalam Akta GSA 1960 yang selama ini diurus oleh FELDA Plantations.

#### FELDA GLOBAL; MASA BERKONGSI KESEJAHTERAAN

Sidang hadirin sekalian,

14. Lantaran itu, saya ingin mengulangi hasrat Kerajaan. Penyenaiaan tetap akan kita laksanakan. Durian runtuh kepada warga FELDA tetap akan kita tunaikan. Kewajaran penyenaiaan adalah satu langkah supaya FELDA terus menerus kukuh dan kuat mendepani cabaran dunia nyata perniagaan global. Kita mahu kuasai produk hiliran. Kita tidak mahu semata-mata menjadi pengeluar bahan mentah sawit. Telah tiba masanya, potensi sebenar FELDA diperlihatkan, dizahirkan dan kesejahteraan yang bakal lahir dari usaha itu dinikmati bukan sahaja oleh warga FELDA tetapi menjadi hadiah kemakmuran kepada seluruh rakyat Malaysia.

#### PERJUANGAN BELIA MELESTARI KESEJAHTERAAN

Sidang hadirin sekalian dan warga belia yang dikasihi,

15. Karnival IKTIRAF dan Anugerah Belia FELDA Malaysia adalah usaha pemerkasaan generasi muda FELDA. Kerajaan mendidik dan menambah nilai baik kepada ekosistem ini dengan hasrat generasi muda mampu menilai dan membuat pilihan berdasarkan fakta dan kewajaran.

16. Kita harus meneruskan misi wajib kita sebagai belia pejuang bangsa. Tiga misi sosial belia FELDA harus terus diperkukuh, iaitu:

- a. Belia FELDA mesti bebas dadah, jenayah dan maksiat;
- b. Belia FELDA mesti berpendidikan sempurna dan bekerja sebagai tenaga mahir; dan
- c. Belia FELDA mesti berjuang untuk agama, bangsa dan tanahair.

17. Gema paluan kompang pada hari ini yang akan menggegar Dataran Merdeka bakal mencatat sejarah di dalam The Malaysia Book Of Records. Ianya merupakan simbol kepada suara dan keberanian Belia dan generasi baru FELDA. Hayatilah kata-kata Dato' Onn Jaafar, "Bersatulah sebagaimana belum pernah kita bersatu dan berusaha sebagaimana belum pernah kita berusaha. Tunjukkanlah bahawa kita sebenar-benarnya keturunan datuk nenek kita yang menghadap bahaya dengan bersatu hati. Dengan bersatu hati itu sahaja akan dapat kita mengadap masa yang akan datang dengan harapan akan jaya cita-cita kita"

#### PENGUMUMAN SEMPENA KARNIVAL IKTIRAF 2011/2012

18. Bagi memastikan golongan belia Felda terus diperkasa, saya mengambil kesempatan untuk mengumumkan :

##### Bil. PENGUMUMAN JUMLAH (RM)

1. Bantuan Pengurusan/Program Persatuan Belia Rancangan  
RM5000 untuk 317 persatuan belia FELDA seluruh Negara  
= RM 1.585 juta

2. Bantuan Pentadbiran/Program Majlis Belia FELDA Negeri & Wilayah  
RM50,000 untuk setiap 11 Majlis Belia FELDA  
= RM 0.55 juta

3. Bantuan Pentadbiran/Pengurusan Sekretariat Permuafakatan Siswa/Siswi FELDA

(PERSADA) IPTA

RM20,000 untuk setiap 20 IPTA

= RM 0.4 juta

4. Bantuan Pengupayaan dan Khidmat Masyarakat PERSADA IPTA/IPTS dalam dan luar Negara

= RM 1 juta

5. Peruntukan Tahunan Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM)

I. Program Pembangunan Kecemerlangan Sukan & Kebudayaan (RM1 juta)

II. Program Pembangunan Kecemerlangan Ekonomi dan Keusahawanan (RM1 juta)

III. Program Kerohanian & Kesejahteraan Sosial (RM1 juta)

IV. Program Gated Community & Keselamatan Rancangan (RM1 juta)

= RM 4 juta

JUMLAH KESELURUHAN

7.535 JUTA

PENUTUP

19. Saya turut ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada para pemenang dan penerima Anugerah Belia FELDA Malaysia tahun ini. Syabas juga diucapkan kepada atlet dan peserta Karnival IKTIRAF kerana menjayakan karnival ini dengan bersungguh. Terima kasih kepada semua yang hadir. Semoga usaha-usaha murni di dalam Karnival IKTIRAF dan Anugerah Belia FELDA Malaysia ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi membina kesatuan hati dan mengiktiraf pencapaian warga FELDA seluruh negara.

20. Akhirnya, dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim dengan sukacitanya saya merasmikan Karnival IKTIRAF dan Anugerah Belia FELDA Malaysia (ABFM) 2011/2012 serentak melancarkan Pelangi IKTIRAF (Gabungan; GAPROF, MBFM, Alumni Asrama Semai Bakti, PERSADA, ARSuara, ARFoto dan Komuniti Penggiat Kompong FELDA) dan Album Kompong 1Malaysia.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.